Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU)	• Rujuk KM 22 dan KM 23 -(Edisi 2019) Kemudahan Golongan Kelainan Upaya		
Kemudahan Sokongan	Kemudahan Utama		Kemudahan Eksklusif
	• Ruang solat berasingan lelaki minimum 6.096m x 6.096m (20’ x 20’) dan wanita minimum 6.096m x 6.096m (20’ x 20’) dan lengkap dengan tempat berwuduk serta tidak menghadap tandas. • Ruang legar dalam bangunan • Tandas • Ruang memunggah • Tempat pembuangan sampah / rumah sampah		• Gimnasium • Kolam renang dan bilik persalinan • Gelanggang permainan *outdoor* dan *indoor* • Bilik persidangan dan ruang mesyuarat • Dewan serbaguna • Pusat jagaan kanak-kanak • Perpustakaan mini
Kehijauan dan keselamatan	• Pelaksanaan kejiranan hijau bagi setiap pembangunan melalui pendekatan: – Menggalakkan pemasangan SPAH yang mempunyai bumbung ≥100mp – Menggalakkan penggunaan solar (tenaga), kitar semula (sisa pepejal) dan pengkomposan (sisa makanan) – Menggalakkan persekitaran hijau iaitu menyediakan kawasan hijau berlandskap • Penerapan elemen-elemen bandar selamat melalui Prinsip CPTED • Perletakan pili bomba hendaklah mematuhi keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia		

DRAFT

3.2.4 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KHUSUS PERSISIRAN SUNGAI DAN PANTAI

Daerah Muar mempunyai tiga (3) lembangan sungai serta 119 sub-sungai. Selain itu, Daerah Muar terletak di Persisiran Laut Selat Melaka yang memerlukan garis panduan perancangan pemeliharaan dan pemuliharaan. GPP ini bertujuan memastikan setiap cadangan pembangunan di kawasan ini adalah terkawal dan bersesuaian dengan keadaan semasa.
Sungai Muar serta Perairan Selat Melaka mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Daerah Muar terutamanya penternakan akuakultur. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyediakan garis panduan yang lebih jelas dan teratur (Rujuk Jadual 3.2.16).

Jadual 3.2.15: Senarai GPP Pembangunan Persisiran Sungai

<table>
<tr><th>Komponen</th><th>Garis Panduan / Tindakan</th></tr>
<tr><td>Penyediaan Rizab Sungai</td><td>• Penetapan penyediaan rizab sungai adalah berdasarkan kelebaran sungai
<table>
<tr><th>Kelebaran Sungai (meter)</th><th>Keperluan Rizab Sungai (meter)</th></tr>
<tr><td>>40</td><td>50</td></tr>
<tr><td>20 - 40</td><td>40</td></tr>
<tr><td>10 - 20</td><td>20</td></tr>
<tr><td>5 - 10</td><td>10</td></tr>
<tr><td><5</td><td>5</td></tr>
</table>
• Khusus bagi Sungai Muar, zon penampan adalah 60 meter dari paras air pasang tertinggi dan sebarang pembangunan di dalam zon penampan Sungai Muar adalah tidak dibenarkan
• Pembangunan kekal tidak dibenarkan terutama di rizab sungai serta perlu merujuk Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi terlibat
• Sesuai dimajukan sebagai kawasan rekreasi semulajadi
• Memastikan struktur binaan bertiang agar tidak menghalang aliran air- jeti, chalet, restoran terapung dan lain-lain</td></tr>
<tr><td>Kawasan Pinggir Pantai</td><td>• Zon penampan 400 meter ke arah laut perlu disediakan di hutan paya laut dan perlu dikekalkan dengan tumbuhan semula jadi
• Menggalakkan aktiviti eko-pelancongan dan rekreasi bagi pengekalan kawasan paya dengan penyediaan kemudahan yang menggunakan struktur atau binaan yang mampan
• Menggalakkan pengekalan dan aktiviti penyelidikan tumbuhan / hidupan asal kawasan</td></tr>
<tr><td>Pembangunan Perumahan dan Aktiviti Pelancongan</td><td>• Boleh dibina selepas rizab atau zon penampan sungai / pantai. Kepadatan perumahan atau aktiviti pelancongan yang dibenarkan ialah 12-20 unit per ekar (kepadatan rendah) dan tidak melebihi 2 tingkat
• Chalet dan restoran terapung hanya boleh dibina di kawasan yang telah ditetapkan sahaja
• Pembangunan tidak membelakangkan sungai dan fasad hadapan bangunan perlu menghala ke arah sungai atau pantai
• Tidak menyalurkan sisa buangan terus ke dalam sungai</td></tr>
<tr><td>Jalan raya</td><td>• Pembinaan laluan kecil digalakkan untuk disediakan di sepanjang zon persisir sungai sebagai jalan masuk dan jalan perkhidmatan
• Perlu mematuhi Garis Panduan Pembangunan yang telah ditetapkan oleh PLANMalaysia</td></tr>
</table>

Jadual 3.2.15: Senarai GPP Pembangunan Persisiran Sungai (Sambungan)

<table>
<tr><th>Komponen</th><th>Garis Panduan / Tindakan</th></tr>
<tr><td>Aktiviti Perniagaan (restoran dan kedai)</td><td>• Pembangunan restoran terapung hanya dibenarkan dikawasan yang telah ditetapkan
• Pembangunan restoran dan kedai boleh dibina selepas rizab atau zon penampan sungai
• Pembangunan tidak melebihi 2 tingkat dan berkepadatan rendah dengan plot 1:1
• Penggunaan bahan binaan mampan sebagai struktur bangunan adalah digalakkan
• Pembangunan tidak membelakangkan sungai dan fasad hadapan bangunan perlu menghala ke arah sungai atau pantai</td></tr>
<tr><td>Aktiviti Industri</td><td>• Pembangunan industri baru di sekitar sungai dan persisiran laut adalah tidak dibenarkan
• Hanya industri sedia ada / pemutihan sahaja yang dibenarkan
• Pemantauan terhadap air sisa buangan adalah diwajibkan bagi mengelakkan pencemaran sungai</td></tr>
<tr><td>Aktiviti Pertanian</td><td>• Tanaman kelapa sawit di rizab sungai adalah tidak dibenarkan
• Penanaman pokok kelampayan di zon penampan Sungai Muar adalah digalakkan bagi mengelakkan hakisan
• Aktiviti pertanian dan penternakan hanya selepas rizab atau zon penampan sungai / pantai
• Hanya aktiviti penternakan akuakultur sahaja dibenarkan di perairan laut
• Tidak menyalurkan sisa ternakan terus ke dalam sungai
• Penggunaan baja atau racun yang bersifat mesra alam adalah digalakkan bagi mengelakkan pencemaran tanah dan sungai</td></tr>
</table>

DRAF

3.2.5 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KHUSUS KSAS

Penyediaan Garis Panduan Pembangunan Khusus KSAS bagi Daerah Muar ditetapkan bertujuan memelihara nilai eksklusifnya bagi menjamin kelangsungan sesetengah komponen alam semula jadi seperti hutan simpan kekal, hutan paya laut, tanah lembap serta kawasan persisiran laut dan sungai (Rujuk Jadual 3.2.17 hingga 3.2.24).

Jadual 3.2.16: GPP Khusus KSAS (Hutan Simpan Kekal)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Hutan Simpan Kekal					
Hutan Dipterokap dan Hutan Paya Gambut (KSAS Tahap 1&2)	• Hidupan Liar • Penyelidikan dan Pendidikan • Pengusaha-hasilan • Perlindungan	• Eko pelancongan • Pencerapan flora dan fauna • Petempatan orang asli tidak dibenarkan melainkan sedia ada	• Sepertimana yang ditetapkan oleh Jab. Perhutanan	• Pembuangan sampah • Pelepasan sisa kumbahan • Industri • Perumahan • Komersial	• Tiada penukaran penggunaan tanah selain perhutanan • Keperluan kajian keupayaan tampungan kapasiti bagi aktiviti eko pelancongan khusus di HS Ayer Hitam Utara dan Hutan Paya Laut • Sebarang pembangunan di dalam zon penampan 60 meter dari garis hutan tidak dibenarkan kecuali yang sedia ada • Zon penampan 400 meter ke arah laut perlu disediakan di hutan paya laut dan perlu dikekalkan dengan tumbuhan semula jadi • Laluan semula jadi sebagai akses tidak melebihi 4.5 meter • Laluan pejalan kaki < 2 meter
Hutan Paya Laut (KSAS Tahap 3)	• Hidupan Liar • Penyelidikan dan Pendidikan • Perlindungan • Perikanan	• Eko pelancongan	• Sepertimana yang ditetapkan oleh Jab. Perhutanan		

Jadual 3.2.17: GPP Khusus KSAS (Bekas dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Bekas dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal					
Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (KSAS Tahap 1)	• Penyelidikan • Kawasan rekreasi / lapang	• Penghasilan tenaga berasaskan suria dan biogas • Pertanian berteknologi fertigasi	• Dengan perakuan Jab. Alam Sekitar	• Perumahan • Kemudahan awam dan institusi • Penggunaan air bawah tanah	• Mengadakan zon penampan 500 meter di Tapak Pelupusan Bukit Bakri yang akan ditutup selamat • Hanya aktiviti industri dan komersial sahaja yang boleh dibangunkan selepas zon penampan Tapak Pelupusan Bukit Bakri
Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (KSAS Tahap 1)	-	• Penyelidikan	-	• Perumahan • Kemudahan awam dan institusi • Penggunaan air bawah tanah	• Perancangan dan pembinaan tapak pelupusa sisa baru perlulah mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada bagi mengurangkan impak kepada alam sekeliling • Tapak pelupusan sisa baru tidak dibenarkan ditempatkan di dalam kawasan tadahan air atau dalam lingkunagan 5 km sungai utama atau 500 meter sub-sungai

Jadual 3.2.18: GPP Khusus KSAS (Kawasan Pertanian Makanan)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Kawasan Pertanian Makanan					
Kawasan Jelapang Padi (KSAS Tahap 2)	• Tanaman padi	• Tanaman jangka pendek • Eko pelancongan	• Hanya di atas tapak-tapak batas yang tidak menggangg u perairan dan penyaliran air • Sepertimana yang ditetapkan Jab. Pertanian	• Industri • Perumahan kecuali sedia ada • Komersial • Kegiatan akuakultur komersial	• Tidak dibenarkan sebarang pembangunan di kawasan sawah yang dikenal pasti sebagai jelapang padi kerana berkepentingan nasional • Pembinaan bangunan kekal di sekitar kawasan sawah tidak dibenarkan kecuali struktur sementara atau separuh kekal • Pelepasan air dari kawasan pertanian sawah perlu dipantau bagi mengelakkan pencemaran sungai dan marin

DRAFT

Jadual 3.2.18: GPP Khusus KSAS (Kawasan Pertanian Makanan) (Sambungan)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Kawasan Pertanian Makanan					
Kawasan akuakultur di perairan laut (KSAS Tahap 3)	• Pemeliharaan ikan marin dan kerang-kerangan	Tiada	Tiada	• Aktiviti yang boleh memberi bahaya kepada laut	• Kedalaman air tidak kurang dari 20 meter di kawasan perairan laut terbuka • Kedalaman air tidak kurang dari 3 meter di kawasan selat, teluk atau muara sungai • Tidak dibenarkan sebarang aktiviti akuakultur di tempat-tempat laluan bot atau pengangkutan air di mana trafik air akan diganggu • Had keluasan kawasan ternak air yang boleh diusahakan hendaklah tidak melebihi 5% keluasan tapak kawasan yang telah diluluskan untuk perusahaan akuakultur
Kawasan akuakultur di persisiran pantai (KSAS Tahap 3)	• Pemeliharaan ikan air payau	Tiada	Tiada	• Aktiviti pelepasan kumbahan terus ke laut adalah dilarang	• Had minimum anjakan untuk aktiviti akuakultur ialah 100 meter dari ban pantai • Zon penampan selebar 400 meter di sepanjang di persisiran pantai dari sempadan tumbuhan ke permukaan laut diperlukan. • Di kawasan bakau, pembinaan kolam bagi aktiviti akuakultur tidak boleh melebihi 20% kawasan bakau dibersihkan.
Kawasan akuakultur di darat (termasuk tanah lembap, sungai, tasik dan bekas lombong) (KSAS Tahap 3)	• Pemeliharaan ikan air tawar	Tiada	Tiada	• Aktiviti akuakultur tidak dibenarkan di kawasan tadahan air dan HSK • Aktiviti akuakultur secara komersial juga tidak dibenarkan di empangan air	• Kecuali ikan disimpan dalam kolam/tangki saiz kurang daripada 50 meter persegi, aktiviti akuakultur yang lain memerlukan lesen operasi daripada Jabatan Perikanan. • Draft *Inland Fisheries Rules (Aquaculture)* 2003 perlu dipatuhi. • Bekas lombong ataupun tasik 'statik' tidak boleh digunakan secara terus untuk aktiviti akuakultur.

Jadual 3.2.18: GPP Khusus KSAS (Kawasan Pertanian Makanan) (Sambungan)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Kawasan Pertanian Makanan					
Kawasan ladang ternakan ayam (KSAS Tahap 3)	• Reban ayam • Stor	Tiada	Tiada	• Pembuangan bangkai ayam di merata-rata tempat adalah dilarang	• Membina zon penampan 200 meter dari kawasan ternakan ayam • Pengusaha perlu berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar • Garis Panduan Ternakan Ayam, Jabatan Perkhidmatan Veterinar perlu dipatuhi

Jadual 3.2.19: GPP Khusus KSAS (Persisiran Pantai)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Persisiran Pantai					
Pantai terdedah (KSAS Tahap 3)	• Pertanian akuakultur	• Perumahan • Rekreasi • Eko pelancongan	• Perumahan sedia ada perlu dikekalkan • Penyediaan EIA untuk kualiti air kawasan persekitaran	• Industri • Pembangunan berkepadatan tinggi • Aktiviti lain yang boleh menyebabkan hakisan atau mendapan.	• Anjakan 60 meter daripada paras purata air pasang perbani perlu diadakan bagi aktiviti rekreasi dan eko pelacongan • Anjakan 100 meter daripada paras purata air pasang perbani bagi aktiviti akuakultur

Jadual 3.2.20: GPP Khusus KSAS (Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah					
Tadahan air (yang diwartakan atau untuk empangan) (KSAS Tahap 1)	• Penyelidikan	Tiada	Tiada	Tiada	• Zon penampan tadahan air 100 meter lebar • Aktiviti pembalakan hendaklah dijalankan 1.5 km dari sempadan • Kualiti air dikekalkan di antara Kelas I dan II mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan

Jadual 3.2.20: GPP Khusus KSAS (Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah) (Sambungan)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah					
Kawasan imbuhan air tanah dan tapak abstraksi air tanah (KSAS Tahap 3)	Tiada	• Rekreasi • Pembangunan berintensiti rendah • Pertanian	• Aktiviti hendaklah tidak mendatang-kan pencemaran kepada sumber air	• Pembangunan secara besar besaran. • Pelupusan bahan sisa toksik dan sisa pepejal. • Kilang kimia racun toksik atau yang menggunakan • Bahan radioaktif • Penternakan khinzir	• Zon penampan 30 meter mengelilingi lapangan telaga atau telaga tiub yang digunakan untuk mengabstraks air tanah • Semua pembangunan struktur tidak dibenarkan kecuali yang digunakan untuk pengabstraksi Air Tanah tersebut. • Hanya aktiviti pertanian, rekreasi, tadahan air, hutan simpan dibenarkan pada zon penampan • Telaga pemantauan perlu disediakan untuk cerapan data hidrogeologi

Jadual 3.2.21: GPP Khusus KSAS (Dataran Banjir, Tanah Lembap, Tanah Bekas Lombong, Tasik dan Sungai)

Kategori KSAS dan Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan	Aktiviti Dibenarkan dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
		Aktiviti	Syarat		
KSAS Dataran Banjir, Tanah Lembap, Tanah Bekas Lombong, Tasik dan Sungai					
Sungai (KSAS Tahap 2)	• Rekreasi Air	• Jeti • Restoran terapung	• Tidak mengakibatkan masalah hakisan dan mendapan • Memerlukan kelulusan daripada Jabatan berkaitan	• Pelepasan air kumbahan tanpa rawatan	• Garis Panduan Perancangan Kawasan Rizab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang Awam oleh PLANMalaysia • Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai oleh JPS • Garispanduan Kementeriaan Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk Pengurusan Biodiversiti
Rizab Sungai (KSAS Tahap 2)	• Kawasan rizab tumbuhan semula jadi dan elemen sungai	• Aktiviti rekreasi dan riadah	• Pembangunan berimpak rendah dan pembinaan boardwalk digalakkan	• Pembalakan • Penebangan dan pembersihan kawasan • Bangunan kekal	
Koridor Sungai (KSAS Tahap 3)	• Tumbuhan dan elemen semula jadi • Kawasan riadah dan rekreasi • Aktiviti ekopelancongan	• Laluan keluar dan masuk kenderaan ringan	• Laluan 6 meter dibenarkan sahaja		

3.2.6 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KHUSUS PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG

Penyediaan GPP Khusus Pembangunan Semula Kampung bagi Daerah Muar disediakan bertujuan untuk mengawal dan merancang pembangunan semula petempatan desa dan kampung tradisi. Hal ini bagi memastikan pembangunan semula kampung mampu mengatasi masalah semasa berserta dengan cadangan bersesuaian yang dapat melindungi kawasan-kawasan semula jadi yang sensitif dan dapat mengekalkan ciri-ciri positif serta nilai estetika petempatan desa dan luar bandar yang berada berdekatan kawasan perbandaran (Rujuk Jadual 3.2.25).

Jadual 3.2.22: Komponen dan GPP Khusus Pembangunan Semula Kampung

Komponen	Garis Panduan / Tindakan
Kampung Yang Terlibat	• Kampung yang memerlukan perhatian khas dari segi pelaksanaan perancangan dan pembangunan • Kampung yang ketinggalan dari segi pembangunan dan dikaitkan dengan masalah pembangunan yang kompleks, kampung tradisi dalam bandar, isu lot lidi dan lot kecil, persekitaran hidup yang kurang sihat dan infrastruktur yang tidak mencukupi. • Kawasan yang dikenal pasti sebagai Kawasan Khusus adalah Kawasan Rezab Melayu dan kampung tradisi yang menerima tekanan daripada rebakan pembangunan perbandaran Petunjuk: 125 buah kampung Rebakan pembangunan perbandaran 2030 52 buah kampung Rebakan Rajah 3.2.8: Rebakan pembangunan perbandaran di Daerah Muar Sumber: Kajian Draf RT Daerah Muar 2030 (Penggantian)
Objektif	• Menyusun semula, menaik taraf dan mengoptimumkan penggunaan tanah dalam Kawasan Rizab Melayu dan Kampung tradisi dalam bandar; • Memperbaiki kualiti perumahan, persekitaran kediaman dan isu lot lidi dan lot kecil; • Menyediakan persekitaran hidup yang bersih dan selesa, disokong oleh infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang efisien; dan • Menggalakkan penglibatan kaum Bumiputera dalam aktiviti ekonomi bandar melalui pembangunan semula Kawasan Rizab Melayu dan kampung tradisional.
Rangka Kerja Institusi	• Penubuhan satu badan khas yang bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan pembangunan semula kampung. • Badan ini akan menyelaras usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor awam ataupun swasta. • Badan ini juga bertanggungjawab bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu tertentu dengan mengambil kira faktor perundangan, fizikal dan kewangan, koordinasi dan promosi yang efektif.
Pembangunan Fizikal	• Pihak Berkuasa Tempatan akan memantau, melulus dan melaksanakan pelan-pelan pembangunan komprehensif untuk Kawasan Rizab Melayu dan kampung tradisi dalam bandar. • Melaksanakan langkah-langkah pembangunan dan menaik taraf Kawasan Rizab Melayu dan kampung tradisi dalam bandar. • Pelan-pelan pembangunan komprehensif rangka kerja keseluruhan pembangunan hendaklah disediakan. Perhatian perlu diberikan kepada usaha memperbaiki taraf hidup melalui penyelesaian masalah semasa, peningkatan infrastruktur dan penyediaan kemudahan masyarakat.

3.2.7 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KHUSUS PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD)

Garis Panduan Pembangunan Khusus TOD bertujuan merancang atau mengawal sesuatu pembangunan di kawasan stesen pengangkutan awam, bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan daya saing kawasan di sekitar stesen tersebut. Selain itu, ia boleh meningkatkan mobiliti penduduk dengan menyediakan kemudahan pengangkutan awam dalam jarak dekat dengan kediaman dan tempat kerja. TOD juga boleh meningkatkan daya saing dan tarikan sesuatu kawasan. Kepentingan utama TOD adalah tergolong dalam 3 aspek teras iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar dan ia selari dengan matlamat Daerah Muar sebagai Daerah Warisan, Mampan dan Pintar pada tahun 2030.

Jadual 3.2.23: GPP Khusus Pembangunan TOD

Komponen	Garis Panduan Perancangan
Guna tanah dan aktiviti yang digalakkan	• Perumahan (termasuk perumahan mampu milik) • Pejabat • Perniagaan • Kemudahan masyarakat • Industri perkhidmatan dan tidak mencemarkan • Institusi (termasuk kebudayaan dan warisan) • Kawasan lapang dan reruang awam (public space)
Guna tanah dan aktiviti yang tidak digalakkan	• Tempat letak kenderaan (TLK) • Perumahan berkepadatan rendah • Industri mencemarkan • Gudang penyimpanan • Stesen minyak
Penggunaan aras pertama bangunan	• Aras pertama bangunan merupakan kawasan tumpuan utama aktiviti dan mempunyai jumlah pejalan kaki yang ramai. • Kegunaan aras pertama bangunan hendaklah terdiri daripada campuran kegunaan yang aktif seperti perniagaan, pejabat dan kediaman serta mambuka ke arah jalan. • Ini bagi menggalakkan dan memudahkan akses terus ke stesen dan kawasan tumpuan utama, serta mewujudkan persekitaran yang meriah dan aktif
Nisbah plot	• 5:1 di TOD 2 • 4.5:1 di TOD 3
Kepadatan (unit rumah per ekar)	20-70 unit per ekar
Anjakan bangunan	• PBT boleh membuat pertimbangan untuk mengurangkan atau mengecualikan anjakan bangunan bagi menggalakkan ketersambungan. • Antara kriteria yang boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan atau mengecualikan anjakan termasuk ruang yang terhad untu pembangunan, telah disediakan rizab jalan khidmat (*service road*), laluan pejalan kaki dan basikal di dalam lot pembangunan serta kriteria lain yang berkaitan
Laluan pejalan kaki	• Jumlah pejalan kaki ke stesen adalah paling ramai di kawasan transit . • Menyediakan rangkaian laluan pejalan kaki yang menghubungkan stesen, perhentian, kawasan kediaman, pusat pekerjaan, perniagaan, kemudahan masyarakat, kawasan lapang, reruang awam dan kawasan tumpuan utama. • Menyediakan laluan pejalan kaki yang berterusan, berteduh, selamat dan tanpa halangan. • Laluan pejalan kaki hendaklah sekurang-kurangnya 1.8 m lebar bagi memudahkan pergerakan pengguna yang ramai, termasuk kerusi roda. • Laluan untuk pejalan kaki boleh menembusi bangunan untuk meningkatkan ketelapan (*permeability*) dan ketersambungan (*connectivity*).
Laluan basikal	• Menyediakan rangkaian laluan basikal yang menghubungkan kawasan tumpuan utama di seluruh kawasan TOD. • Di kawasan tumpuan pejalan kaki, laluan basikal dan laluan pejalan kaki hendaklah diasingkan untuk keselamatan.

Jadual 3.2.23: GPP Khusus Pembangunan TOD (Sambungan)

Komponen	Garis Panduan Perancangan
Laluan basikal	• Di jalan utama di mana kelajuan jalan dan jumlah trafik adalah tinggi (kelajuan > 40 km/j dan ≥ 5,000 jumlah trafik bermotor sehari), laluan sikal hendaklah berasingan daripada laluan trafik bermotor untuk keselamatan penunggang basikal. • Di kawasan perumahan dan jalan tempatan di mana kelajuan jalan dan jumlah trafik adalah rendah (kelajuan ≤ 50 km/j dan < 1,000 jumlah trafik bermotor sehari), basikal boleh berkongsi jalan dengan kenderaan (*mixed traffic*). • Hendaklah ditandakan pada jalan tersebut tanda sharrows yang membawa maksud 'kenderaan berkongsi dengan basikal'.
Bas pengantara (feeder bus)	• Perlu menyediakan perkhidmatan bas pengantara yang berkualiti bagi menghubungkan stesen, perhentian, kawasan kediaman, pekerjaan, perniagaan, kemudahan masyarakat, kawasan lapang, reruang awam dan kawasan tumpuan utama.
Tempat letak kenderaan (TLK)	• Digalakkan pengurangan di antara 50% - 100% daripada jumlah TLK yang perlu disediakan di transit , kecuali untuk pembangunan perumahan. • Mengalakkan penyediaan TLK berpusat (off-street parking) di permukaan tanah, aras bawah tanah (basement) atau di bangunan bertingkat (multi-storey). • Kawasan TLK berpusat harus bersambung antara satu sama lain dan boleh dikongsi dan diakses dengan mudah dengan bantuan penunjuk arah yang jelas dan mudah difahami • Terletak di hadapan bangunan komersial free standing
Tempat letak basikal	• Sebanyak 10 - 30% TLK motosikal boleh dijadikan tempat letak basikal
Rumah mampu biaya	• Minimum 30% perumahan termasuk rumah mampu milik hendaklah disediakan di kawasan TOD. • Pihak berkuasa negeri dan tempatan hendaklah menentukan bilangan rumah mampu milik yang perlu disediakan di kawasan transit • Rumah mampu milik hendaklah dihubung ke stesen, perhentian, pusat pekerjaan, perniagaan, kemudahan masyarakat, kawasan lapang, reruang awam dan kawasan tumpuan utama melalui bas pengantara, laluan pejalan kaki dan basikal.
Premis pekerjaan dan perniagaan	• Memperbanyakkan tempat bekerja kongsi (*co-sharing work space*) untuk golongan muda, usahawan dan syarikat start-up di kawasan TOD. • Mempelbagaikan saiz premis atau reruang perniagaan yang mampu disewa atau dimiliki.
Kemudahan masyarakat	• Kemudahan masyarakat hendaklah disediakan sekiranya terdapat penduduk yang tinggal tetap, tanpa mengira jenis atau harga rumah. • Kemudahan masyarakat untuk golongan vulnerable seperti kanak-kanak dan warga emas hendaklah disediakan dalam lingkungan 400 m atau 5-10 minit berjalan kaki dari rumah. • Kemudahan ini hendaklah juga dihubung dengan laluan sikal dan perkhidmatan bas yang efisien.
Reka bentuk sejagat	• Keseluruhan persekitaran bandar dan bangunan di kawasan transit hendaklah dilengkapi reka bentuk sejagat supaya selamat dan mesra kepada semua, termasuk golongan OKU, berkerusi roda, kanak-kanak dan warga emas. • Tumpuan reka bentuk sejagat adalah di stesen, perhentian, laluan ke stesen, kawasan kediaman, pekerjaan, perniagaan, kemudahan masyarakat, tempat riadah dan perabot jalan. • Reka bentuk hendaklah berpandukan piawaian MS1184: 2014 - *Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practice (Second Revision),* Nov. 2014, Jabatan Standard Malaysia.
Kawasan lapang	• Menyediakan minimum 10% kawasan lapang daripada keluasan keseluruhan tapak untuk pembangunan perumahan. • Menyediakan minimum 5% kawasan lapang daripada keluasan keseluruhan tapak untuk pembangunan komersial (tidak termasuk pembangunan kediaman kekal di zon komersial) atau industri. • Bagi pembangunan strata bertingkat, sebahagian kawasan lapang boleh disediakan di dalam atau di atas bangunan. • Tertakluk kepada peruntukan dasar, akta, undang-undang kecil dan garis panduan terkini yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, pihak berkuasa negeri dan tempatan

DRAFT

3.2.8 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN REKA BENTUK DAN PEMELIHARAAN WARISAN BANDAR MUAR

Penyediaan GPP Reka Bentuk & Pemeliharaan Warisan Bandar Muar (GPPRBPWBM) disediakan sebagai panduan asas untuk meningkatkan tahap kejelasan rupa bentuk, imej dan identiti pusat bandar yang terdapat di sekitar Daerah Muar. Imej bandar (*urban image*) yang jelas dan kuat terbentuk melalui penerapan elemen reka bentuk bandar beridentiti, menarik dan berkualiti. Kewujudan aset warisan ketara (bangunan, tapak dan monumen) yang merupakan penyumbang utama imej bandar juga perlu dipelihara kelangsungannya. GPP ini turut menyenaraikan panduan umum dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan di sekitar Daerah Muar daripada terdedah dengan pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat "*authenticity*" (keaslian) nilai warisan, kepentingan sejarah dan seni bina tempatan. Pelaksanaan serta pematuhan terhadap garis panduan pembangunan ini sehingga tahun 2030 dijangka dapat melindungi bangunan, tapak dan monumen bersejarah di sekitar Daerah Muar supaya sentiasa terpelihara selain berupaya mewujudkan sebuah persekitaran bandar yang lebih beridentiti, hidup, aktif dan kondusif melalui proses pembaharuan bandar (*urban regeneration*)

i. Garis Panduan Pengubahsuaian Bangunan Warisan

Penyediaan Garis Panduan Pengubahsuaian Bangunan Warisan (GPPBW) memainkan peranan penting dalam memastikan kerja pemeliharaan, penjagaan, pemuliharaan, pembinaan semula serta penyesuaigunaan semula bangunan warisan dilaksanakan dengan baik. Tahap kepentingan dan signifikasi nilai warisan bangunan ditetapkan mengikut tahap tahap/ kategori yang ditetapkan dengan mengambil kira keadaan sekeliling dan kesinambungan visual bangunan sekitar. GPPBW terpakai di Pusat Bandar Maharani untuk memastikan kelangsungan imej dan identitinya sebagai sebuah 'Bandar Diraja'. Sebarang bentuk pengubahsuaian terhadap bangunan warisan sedia ada/ yang berpotensi dikekalkan di pusat bandar seperti Bangunan Mahkamah Lama, Bangunan Sultan Abu Bakar, Masjid Jamek Sultan Ibrahim dan deretan bangunan kedai tradisional (*shophouses*) dapat mengekalkan identiti asal dan tidak menjejaskan persekitaran senibina, rupa bandar (*urban form*) dan seni bandar (*townscape*) (Rujuk Jadual 3.2.27).

Jadual 3.2.24: GPP Pengubahsuaian Bangunan Warisan

Aspek	Garis Panduan / Tindakan
Bangunan Warisan	• Melantik konservator dan kontraktor berpengalaman dalam kerja pemeliharaan bangunan warisan (Kategori 1) - Bangunan Mahkamah, Bangunan Sultan Abu Bakar, Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Balai Polis Trafik Muar, Bangunan Telekom dll. • Menentukan prinsip, proses dan pendekatan kerja pemeliharaan yang bersesuaian melibatkan aktiviti pengubahsuaian (*renovation*), penjagaan (maintenance), pemulihan (restoration), pembinaan semula (*reconstruction*) dan penyesuaiangunaan (*adaptive reuse*) bangunan warisan mengikut kategori • Menyediakan dokumentasi berkaitan penyelidikan sejarah bangunan, kajian kerosakan dan impak terhadap sebarang perubahan struktur dan gaya senibina serta persekitaran bandar (*setting*) • Perubahan reka bentuk fasad bangunan rumah kedai tradisional baharu perlu mengambil kira kesinambungan visual seni bina bangunan sekitar • Memastikan perubahan guna bangunan yang dicadangkan adalah sesuai dengan fungsi, imej dan identiti kawasan serta tidak ada percanggahan ketara • Memastikan segala penggunaan semula premis warisan juga membawa kepada peningkatan ke atas seni bina bangunan yang unik • Pengubahsuaian mestilah tidak mengubah bentuk dan fungsi asal bangunan dan menggunakan bahan binaan yang harmoni dengan keseluruhan rupa bangunan dari segi warna dan reka bentuk yang hampir sama dengan asal

ii. Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan, Sistem Pencahayaan dan Penghawa Dingin Bangunan Warisan

Pemasangan papan iklan, sistem pencahayaan dan penghawa dingin pada bangunan warisan perlu diuruskan dengan sewajarnya kerana menyumbang kepada kualiti visual dan estetik persekitaran bandar. Penyediaan garis panduan ini bertujuan untuk mengurangkan kesan visual yang tidak menarik disebabkan pemasangan papan iklan, sistem pencahayaan dan penghawa dingin pada bangunan bernilai warisan. Terdapat sebahagian unit rumah kedai tradisional terlindung dengan kewujudan papan iklan dan kompresor penghawa dingin yang menutup rupa fasad asal. Garis panduan umum ini berupaya memberi panduan kepada pengusaha atau pemilik bangunan dalam memasang papan tanda iklan mereka (Rujuk Jadual 3.2.28)

Jadual 3.2.25: GPP Pemasangan Papan Iklan, Sistem Pencahayaan dan Penghawa Dingin Bangunan Warisan

Aspek	Garis Panduan / Tindakan
Lokasi, Saiz, Warna & Rekabentuk	**Papan Iklan** • Jelas, menarik, selamat dan mudah difahami • Papan iklan/ ukiran nama perniagaan tulisan Jawi & Cina/ logo asal pada bangunan rumah kedai tradisional hendaklah dikekalkan • Rekabentuk papan iklan perlu diselaraskan/ teradun dengan karakter unit bangunan tanpa menjejaskan tahap kualiti visual, nilai warisan dan sejarah setempat • Kedudukan papan iklan perniagaan tidak menghalang bukaan pengudaraan dan pencahayaan dalam bangunan (tingkap hadapan/ tepi bangunan) • Papan iklan tidak boleh diletakkan di mana-mana bahagian fasad bangunan yang boleh melindungi ciri-ciri, tahun pembinaan, ukiran dan gaya senibina asal bangunan tersebut • Papan iklan tidak boleh menutup keseluruhan bahagian fasad bangunan • Papan iklan tidak dibenarkan diletakkan di atas bumbung atau menonjol dari cucur atap • Papan iklan tidak dibenarkan menonjol lebih daripada 0.6m dari mana-mana bahagian bangunan • Papan iklan menegak yang diletakkan di atas tiang di tingkat bawah hendaklah tidak melebihi 0.5m ketinggian tingkat bawah • Papan iklan menegak yang diletakkan di atas tiang di tingkat atas hendaklah tidak melebihi 0.75m ketinggian tingkat atas • Ketinggian papan iklan mendatar hendaklah mengikut ketinggian panel di bawah garisan tingkap atas atau ketinggian rasuk (*beam*) hadapan bangunan • Penggunaan bidai buluh untuk tujuan pengiklanan perniagaan adalah digalakkan • Penggunaan tulisan jawi dengan ukiran untuk mewujudkan persekitaran 'Bandar Diraja' adalah sangat digalakkan • Papan iklan/ huruf-huruf diperbuat daripada logam dan *stainless steel* dibenarkan manakala kayu tidak dibenarkan dan mestilah dicat dengan warna yang sesuai dengan reka bentuknya • Papan iklan yang diperbuat daripada kotak plastik/ akrilik tidak dibenarkan kecuali bangunan dari reka bentuk era moden dan terletak dalam kawasan zon penampan • Papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan menghalang laluan pejalan kaki/ kaki lima kedai • Pemilihan warna papan iklan hendaklah tidak terlalu bercanggah/ tidak harmoni dengan warna premis/ persekitaran. **Papan Tanda Informasi** • Maklumat dan informasi yang disampaikan adalah mudah, cepat dan mudah difahami oleh orang ramai • Menggunakan tipografi (atur huruf & muka taip) yang bersesuaian, harmoni namun memberi kesan visual yang jelas (cth. *Sans Serif*) • Pemasangan papan informasi tidak dibenarkan menghalang pandangan pemandu kereta dari jalan dan laluan pejalan kaki • Papan informasi hendaklah menonjol tidak lebih dari 0.8m dari sebatang tiang atau dinding luar bangunan dengan ketinggian jelas 2.4m • Papan informasi nama jalan, maklumat sejarah bangunan/ tempat yang bersejarah dibenarkan dipasang di dinding luar bangunan

DRAFT

Jadual 3.2.25: GPP Pemasangan Papan Iklan, Sistem Pencahayaan dan Penghawa Dingin Bangunan Warisan (sambungan)

Aspek	Garis Panduan / Tindakan
Lokasi, Saiz, Warna & Rekabentuk	• Rekabentuk papan informasi perlu diterapkan dengan hiasan awan larat elemen/ corak setempat (corak lada hitam) atau seumpanya. • Penggunaan papan tanda arah/ informasi digital (Kod QR) amatlah digalakkan dan diletakkan pada lokasi strategi laluan pejalan kaki seperti di persimpangan jalan/ lorong tepi/ lorong belakang/ pintu masuk/ tempat pelancongan • Tanda arah/ informasi pada permukaan jalan/ laluan pejalan kaki juga digalakkan menggunakan warna berbeza mengikut tema/ konsep tertentu setiap zon • Papan tanda tunjuk arah standard perlu mematuhi Arahan Teknik Jalan JKR sedia ada **Papan Tanda Informasi (Samb.)** • Papan tanda informasi dapat berfungsi pada waktu siang dan malam. Bahan-bahan binaan papan iklan dari jenis yang boleh memberikan silauan kepada pemandu kenderaan adalah tidak dibenarkan • Tiang untuk papan tanda hendaklah dibuat daripada besi bergalvani (*galvanized iron*) **Pencahayaan** • Papan tanda/ informasi bercahaya LED tidak boleh mengakibatkan kesan silau (pantulan cahaya) pada pemandu/ pejalan kaki/ penduduk setempat • Papan tanda di fasad bangunan hendaklah dicahayakan dengan *spot.* Papan iklan berlampu/ LED jenis menutup fasad bangunan adalah tidak dibenarkan pada zon warisan • Pencahayaan dari belakang papan tanda (*backlighting*) dengan menggunakan lampu LED atau *neon* digalakkan • Kaedah pencahayaan tidak memberikan impak negatif kepada struktur warisan sehingga merosakkan permukaan fasad asal (kesan haba). • Pemilihan kaedah pencahayaan mestilah mengambilkira faktor warna dan kadar tindakbalas yang ingin diperolehi terhadap permukaan bangunan warisan. • Penggunaan lampu-lampu kecil yang dipasang di atas fasad untuk mencerahkan elemen senibina (ukiran/ corak) yang unik seperti lampu limpahan cahaya yang kecil (*mini floodlights*) dan LED (*light-emitting diode*) adalah digalakkan • Penggunaan lampu jenis neon, lampu warna-warni atau lampu yang berkelip-kelip pada permukaan bangunan tidak digalakkan • Penggunaan lampu pentas untuk memberi cahaya berwarna, corak yang bergerak atau imej. Pelbagai bentuk pencahayaan digunakan bergantung kepada kesan visual yang diinginkan seperti *spotlight* (lampu par) pelbagai warna, *floodlight* berbagai warna, neon, LED, lampu dari lantai dan sebagainya dibenarkan secara sementara semasa tempoh perayaan/ majlis/ program tertakluk kepada kelulusan MPM **Penghawa Dingin** • Pemasangan kemudahan sistem penghawa dingin perlu sensitif dan tidak mencacatkan seni bina bangunan kerana peralatan hawa dingin bukan elemen asal bangunan warisan • Kewujudan kompresor unit hawa dingin perlu dilindungi dari pemandangan umum dan tidak dibenarkan di pasang pada permukaan fasad bangunan/ diletak di kaki lima. Penggunaan pelindung seperti jejala (*trellises*), sirip (*louvres*) dan panel berongga (*perforated panels*) untuk menutup kompresor atau sebarang cara lain yang difikirkan sesuai tanpa menjejaskan visual seni bina bangunan warisan adalah digalakkan • Pendawaian/pepaipan tidak menjejaskan struktur asli bangunan warisan seperti dinding, tiang, lantai, bumbung atau merosak dan memindahkan elemen bangunan seperti ukiran, kerja lepaan (*plasterworks*), pintu dan tingkap asal. • Memastikan sistem pembuangan air/ pengudaraan kompresor penghawa dingin tidak menjejaskan permukaan fasad bangunan Nota: *Panduan terperinci perlu dibaca bersama Undang-udang kecil Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan (2018) dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) sedia ada

Jadual 3.2.25: GPP Pemasangan Papan Iklan, Sistem Pencahayaan dan Penghawa Dingin Bangunan Warisan (Sambungan)

Aspek	Garis Panduan / Tindakan
Lokasi, Saiz, Warna dan Rekabentuk	• Pemasangan kemudahan sistem penghawa dingin perlu sensitif dan tidak mencacatkan seni bina bangunan kerana peralatan hawa dingin bukan elemen asal bangunan warisan • Kewujudan kompresor unit hawa dingin perlu dilindungi dari pemandangan umum dan tidak dibenarkan di bahagian hadapan fasad bangunan. Alternatif yang bersesuaian perlulah diambil dengan meletakkan alat penghawa dingin di tempat yang bersesuaian • Pendawaian tidak menjejaskan struktur asli bangunan warisan seperti dinding, tiang, lantai, bumbung atau merosak dan memindahkan elemen bangunan seperti ukiran, kerja lepaan (*plasterworks*), pintu dan tingkap asal.

iii. Garis Panduan Lukisan Dinding (*Mural Painting*) Bangunan Warisan

Lukisan dinding (*mural painting*) yang mempunyai nilai artistik, estetik, kreatif dan berkualiti dapat memperkukuhkan lagi tema/ penceritaan sejarah tempatan secara visual. Kini pelbagai lukisan dinding yang menjadi salah satu tarikan pelancongan, garis panduan lukisan dinding (mural) bangunan warisan diperkenalkan bertujuan mengintegrasikan reka bentuk karya seni yang dapat mempromosikan sejarah-sejarah Daerah Muar tanpa menjejaskan keindahan atau reka bentuk asal bangunan warisan (Rujuk Jadual 3.2.29).

Jadual 3.2.26: Komponen dan GPP Lukisan Dinding (*Mural Painting*) Bangunan Warisan

Aspek	Garis Panduan / Tindakan
Lokasi, Saiz, Warna dan Rekabentuk	• Lukisan dinding di sekitar Daerah Muar boleh dilukis di kawasan reruang awam dan harta persendirian (kaki lima, dinding tepi dan dinding belakang) yang boleh diakses oleh orang awam dengan kebenaran daripada MPM • Pelukis/ Pemohon perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pemilik bangunan dan menghantar permohonan kepada MPM. Paparan lukisan hanya dibenarkan dipamerkan selamat 1 tahun dari tarikh permit dikeluarkan. Pemilik/ pelukis bertanggungjawab untuk mengecat semula kepada keadaan asal apabila difikirkan perlu/ wajar oleh MPM • Pemohon hendaklah menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan dari semasa ke semasa dan memastikan tapak / *public art* tersebut adalah kemas, kukuh dan tidak luntur sepanjang tempoh sah permit (1 tahun dari tarikh permit dikeluarkan) • Aktiviti melukis perlu dipastikan tidak menggangu aliran lalu lintas setempat. Sebarang pemasangan perancah besi / penggunaan jentera skylift perlu dipastikan tidak menghalang laluan/ menutup jalan. • Tema/ penceritaan lukisan perlu disahkan/ disemak fakta/ maklumat. Tidak boleh menyentuh sensitiviti perkauman, agama dan keharmonian atau digunakan untuk mempromosi iklan/ produk perniagaan tertentu. • Rupa wajah tokoh/ tema yang dianggap tidak ada kaitan dengan sejarah Malaysia/ Negeri Johor/ Muar adalah tidak dibenarkan kecuali ia berkait langsung dengan sejarah setempat • Lukisan dinding hendaklah mempunyai nilai artistik dan estetik, kreatif, berkualiti atau memperkukuhkan lagi nilai-nilai warisan di Daerah Muar. Corak bertemakan 'Bandar Diraja' atau sejarah tempatan (mengikut lokasi) adalah digalakkan • Lukisan dinding yang dipamerkan atau dipaparkan hendaklah tidak merosakkan dinding atau struktur bangunan. Bagi bangunan warisan, penggunaan bahan mengecat atau melukis hendaklah dari jenis yang berasaskan air (*water based*) dan hanya dibenarkan dilukis pada permukaan dinding tepi/ belakang bangunan rumah kedai tradisional sahaja. Ruang fasad hadapan adalah tidak dibenarkan • Tiada lukisan dinding dibenarkan dilukis pada bangunan warisan sesebuah/ institusi/ awam di Muar (masjid/ sekolah/ pejabat kerajaan/ rumah agam dll.)

iv. Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan (HIA)

Pemaju/ pemilik perlu menyediakan Laporan Penilaian Impak Warisan (*Heritage Impact Assessment*) perlu disediakan bagi setiap cadangan pembangunan di dalam kawasan Zon Warisan dan Zon Penampan. Tujuan laporan ini disediakan adalah untuk memudahkan pihak MPM membuat penilaian kesan terhadap sebarang cadangan pembangunan supaya tahap keaslian, nilai warisan dan sejarah kawasan/ bangunan dan tapak di sekitar pusat bandar/ pekan sentiasa terpelihara dan dikekalkan. Jangkaan (*prediction*) yang bakal terjadi terhadap kualiti dan nilai warisan perlu dijalankan oleh individu yang berkelayakan (Rujuk Jadual 3.2.30).

Jadual 3.2.27: GPP Penilaian Impak Warisan (HIA)

Komponen	Garis Panduan / Tindakan

Keperluan/ Pengecualian/ Kerangka laporan	• Laporan HIA perlu disediakan jika melibatkan cadangan pembangunan di
	  • Zon Warisan-Kawasan utama (*core zone*).
	  • Zon Penampan (*buffer zone*)
	  • Kawasan yang bersempadanan dengan zon penampan.
	  • Pembinaan bangunan atau struktur baru (*infill development*) di kawasan dinyatakan di atas
	  • Kerja-kerja restorasi pindaan, tambahan, *adaptive re-use* pada bangunan warisan sedia ada sama ada dalam kawasan diwartakan atau di luar.
	• Laporan HIA dikecualikan jika hanya melibatkan
	  – Kerja pemuliharaan kecil/ pembaikan kecil/ pembaikan kecemasan/ pengecatan/ pemasangan CCTV/ papan iklan/ penyelenggaraan rutin/ pembersihan/ pertukaran hak milik bangunan/ tapak / perubahan guna bangunan yang tidak melibatkan pengubahsuaian fabrik/ struktur asal bangunan/ kerja-kerja landskap
	• Melaporkan kewujudan nilai-nilai atau kriteria keunggulan sejagat (*outstanding universal values*) tidak terganggu dan tahap signifikan kebudayaan bangunan atau kawasan sekitar
	• Melaporkan keperluan mematuhi mana-mana bahagian dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) sedia ada
	• Menggariskan keperluan pematuhan prinsip-prinsip asas konservasi (jika ada) seperti berikut:
	  a) Mengekalkan elemen-elemen keaslian (*authenticity*) dan integriti yang menjadi identiti
	  b) Tidak meruntuhkan sebahagian atau keseluruhan bangunan kategori 1
	  c) Mengekalkan struktur dalaman yang asal
	  d) Mengekalkan permukaan (*surface*) asal bangunan dengan tidak mengecat pada permukaan yang tidak dicat pada sebelumnya
	  e) Tidak menggantikan mana-mana bahagian pada bangunan dengan bahan binaan yang baru
	  f) Tidak menukar corak asli (asal) pada mana-mana bahagian bangunan
	• Kandungan Laporan HIA perlu disediakan mengikut format yang ditentukan MPM (namun tidak terhad kepada):
	  a) Pengenalan
	  b) Keadaan semasa
	  c) Aspek pematuhan perundangan/ garis panduan/ polisi sedia ada
	  d) Perincian cadangan pembangunan/ pemajuan/ projek
	  e) Penilaian impak warisan/ Kemungkinan kesan pelaksanaan - visual, alam sekitar, trafik, kebudayaan setempat, latar langit, skap bumbung, bunyi, pelancongan, pewartaaan dll.
	  f) Hasil kajian/ cadangan mitigasi
	  g) Lampiran/ Pelan sisipan

v. Garis Panduan Pemeliharaan Bangunan, Tapak dan Kawasan Warisan

Garis panduan ini terpakai kepada bangunan warisan kategori 1 sedia ada melibatkan bangunan-bangunan, monumen dan tapak-tapak warisan yang telah diisytiharkan/disenaraikan atau dicadangkan untuk diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) di dalam kawasan Zon Warisan (core zone) (Rujuk Jadual 3.2.31).

Jadual 3.2.28 GPP Pemeliharaan Bangunan, Tapak dan Kawasan Warisan

Komponen/ aspek	Garis Panduan / Tindakan
Bahagian luar bangunan	**Berikut adalah senarai Bangunan Warisan Kategori 1 di Zon Warisan (*Core Zone*):** • Masjid Jamek Sultan Ibrahim • Bangunan Telekom • Muar High School • Balai Polis Trafik Daerah Muar • Mahkamah Tinggi & Rendah Syariah Muar • Bangunan Sultan Abu Bakar • Bangunan Pejabat Kastam • Jambatan Sultan Ismail **Sistem struktur keseluruhan** • Mengekal sebanyak mungkin bentuk atau corak struktur/karektor bangunan • Membaiki kerosakkan yang nyata seperti menampal retak, membaiki alang-alang/ penyokong dan sebagainya • Membaiki bahagian struktur sekiranya diperlukan **Bumbung** • Reka bentuk asal seperti profil, curam dan ketinggian hendaklah dikekalkan • Genting *terra cotta* / tanah liat corak *Marseille* atau *interlocking profil* 'S' boleh digunakan untuk bangunan art deco dan moden. Sekiranya bumbung dibina semula, strukturnya hendaklah dibuat daripada kayu, mengikut corak yang asli • Tidak dibenarkan menutup pembukaan ruang udara (*air well*) • Anjung bumbung (*canopy*) dikekalkan mengikut reka bentuk asal, genting *terra cotta* / tanah liat, papan fascia • Sekiranya paip untuk saliran air hujan dipasang di hadapan bangunan, ia hendaklah dibuat daripada besi dan tidak dibenarkan menggunakan paip UPVS **Hiasan fasad** • Reka bentuk fasad asal hendaklah dikekalkan dan dipulihara sekiranya ia telah diubah • Hiasan batu/ plaster, huruf-huruf plaster di atas tiang atau *frieze* hendaklah dikekalkan dan dipulihara • Hiasan jubin di bahagian dinding di bawah tingkap hendaklah dikekalkan dan dipelihara **Tingkap dan pintu** • Tingkap dan pintu asal hendaklah dikekalkan seperti sedia ada • Tingkap dan pintu kedua yang menggunakan kaca telus (clear *glass*) dan bingkai kayu adalah dibenarkan. Kaca *tinted* dan aluminium tidak dibenarkan • Rumah kedai yang mempunyai bukaan yang lebar di hadapan digalakkan menggunakan pintu papan berkonsep tradisional atau *folding metal grille*. Sekiranya *roller shutter* besi digunakan, ia hendaklah dipasang di belakang pintu papan. *Roller shutter* dari bahan telus adalah digalakkan supaya dalaman kedai dapat dilihat dari luar

Jadual 3.2.28: GPP Pemeliharaan Bangunan, Tapak dan Kawasan Warisan (Sambungan)

Komponen/ aspek	Garis Panduan / Tindakan
Bahagian luar bangunan	**Kaki-lima / verandah** • Ruang kaki-lima / *verandah way* hendaklah dikekalkan dan dikosongkan • Pagar berbentuk kayu berkonsep tradisional tidak melebihi 1.2 meter tinggi dibenarkan. Pagar besi baru tidak dibenarkan **Lantai** • Jubin lantai asal pelbagai corak hendaklah dikekalkan • Lantai simen baru hendaklah digantikan dengan bahan yang asal • Tepi (*edging*) kaki-lima atau *heel stone* dan tangga yang menggunakan batu granit hendaklah dikekalkan
Bahagian dalaman bangunan	**Tingkat bawah** • Paras tingkat bawah hendaklah dikekalkan seperti sedia ada • Jubin lantai asal hendaklah dikekalkan seperti sedia ada • Sekiranya lantai simen perlu digantikan, hanya ubin lantai corak tradisional saiz 150mm x 150mm atau ubin lantai *terra cotta* 300mm x 300mm dibenarkan mengikut gaya senibina bangunan • Ketinggian asal tingkat bawah hendaklah dikekalkan **Tingkat atas** • Papan lantai dan rasuk yang asal hendaklah dikekalkan • Papan lantai dan rasuk yang rosak hendaklah digantikan dengan jenis kayu dan saiz yang sama • ketinggian asal tingkat bawah hendaklah dikekalkan **Siling** • Ciri-ciri asal siling hendaklah dikekalkan • Papan siling hendaklah berbentuk papan simen bersegi empat (saiz minimum 600mm x 600mm) atau *timber strip* • Hiasan asal seperti *ceiling rose* hendaklah dikekalkan **Dinding** • Kerja pembaikan kepada dinding hendaklah menggunakan bahan yang asal, iaitu campuran plaster kapur (*lime plaster*) dan pasir halus • Dinding batu-bata hendaklah dicat dengan *lime wash*. Warna yang biasa digunakan adalah putih, biru, kuning (*ochre*) dan hijau dengan menggunakan pigmen warna • Butiran hiasan seperti *cornices* hendaklah dikekalkan **Ruang Udara (*Air Well*)** • Ruang udara yang asal hendaklah dikekalkan • Paras asal lantai ruang udara hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan untuk meninggikan paras ruang ini searas dengan paras lantai tingkat bawah • Perigi di ruang udara hendaklah dikekalkan • Tidak dibenarkan untuk menutup ruang udara dengan bumbung **Tangga** • Tangga asal hendaklah dikekalkan seperti sedia ada • Tangga kayu yang dibaiki hendaklah menggunakan bahan dan reka bentuk yang sama dengan asal. • Sekiranya tangga baru diperlukan, ia hendaklah dibuat daripada kayu dengan reka bentuk yang sesuai dengan gaya senibina bangunan **Finishes** • *Finishes* yang asal pada dinding seperti ubin seramik, batu atau granolithic render (plaster *shanghai*) hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan untuk dicat. • Warna cat yang asal untuk dinding dan bahagian kayu hendaklah digunakan. • Cat akrilik tidak dibenarkan untuk dinding.

Jadual 3.2.28: GPP Pemeliharaan Bangunan, Tapak dan Kawasan Warisan (Sambungan)

Komponen/ aspek	Garis Panduan / Tindakan
Bahagian dalaman bangunan	**Tanda dan pengiklanan** • Hanya papan nama bangunan / kedai dibenarkan dipasang di tempat yang ditetapkan dalam garis panduan untuk pemasangan papan tanda. • Pengiklanan tidak dibenarkan dipasang di atas sebarang bahagian bangunan kecuali dalam bentuk *banner* atau yang berdiri sendiri (*free standing*). • Bahan untuk papan tanda hendaklah dibuat daripada kayu dengan ukiran nama. **Sistem Pengudaraan** • Paip untuk sistem penghawa dingin hendaklah disembunyi dalam *casing* atau di dalam dinding dan disusun dengan teratur. • Unit kondenser luar hendaklah ditempatkan di bahagian bangunan yang tidak boleh dilihat dari jalan atau disembunyikan. **Pencahayaan** • Cara pencahayaan tradisional seperti lampu yang digantung di tengah kaki-lima atau lampu kertas yang digantung dari siling kaki-lima hendaklah dikekalkan. • Sekiranya sistem pencahayaan yang baru dicadangkan, *fitting* lampu, kabel elektrik dan lain-lain perkakas hendaklah disembunyikan. • Warna pencahayaan hendaklah sesuai dengan ciri-ciri dan warna fasad bangunan. • Pencahayaan yang menggunakan LED adalah digalakkan kerana saiz yang lebih kecil daripada lampu biasa dan tidak menggunakan kuasa elektrik yang besar.

DRAFT